



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

STATISTIK KAPASITI PENGGUNAAN INDUSTRI PEMBUATAN

SUKU KETIGA 2023

Industri Pembuatan beroperasi pada kapasiti penggunaan 79.4 peratus pada suku ketiga 2023

PUTRAJAYA, 30 November 2023 – Industri Pembuatan beroperasi pada kapasiti penggunaan 79.4 peratus pada suku ketiga 2023, berkurang 1.9 mata peratus tahun ke tahun manakala meningkat secara suku tahunan. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **Statistik Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan, Malaysia, Suku Ketiga 2023**.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan berkata, "Kapasiti penggunaan industri Pembuatan adalah 79.4 peratus pada suku ketiga 2023, berkurang 1.9 mata peratus berbanding kadar yang lebih tinggi yang direkodkan setahun lalu iaitu 81.3 peratus (ST3 2022). Hampir semua subsektor mencatatkan penurunan kecuali Pembuatan produk makanan, minuman & tembakau (+1.9 mata peratus); dan Pembuatan produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (+1.6 mata peratus). Namun begitu, berbanding suku tahun sebelumnya, kapasiti penggunaan industri Pembuatan adalah lebih tinggi 1.2 mata peratus berbanding kadar 78.2 peratus (ST2 2023).

Bagi asas bulanan, kadar penggunaan industri Pembuatan menaik pada September 2023 dengan mencapai 80.0 peratus selepas dua bulan beroperasi pada 78.6 peratus (Julai 2023) dan 79.6 peratus (Ogos 2023). Kadar kapasiti penggunaan yang rendah dicatatkan pada suku ketiga 2023 adalah selari dengan pengeluaran output Pembuatan, yang merekodkan penurunan marginal 0.1 peratus dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (ST2 2023: 0.1%). Faktor utama yang menyumbang kepada kapasiti pengeluaran yang lebih rendah adalah permintaan yang rendah, bekalan bahan yang tidak mencukupi serta pembaikan dan penyelenggaraan mesin dan peralatan."

Ketua Perangkawan mengulas lebih lanjut, "Pembuatan produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka; dan Pembuatan kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain mencatatkan kadar kapasiti penggunaan yang melebihi 80.0 peratus pada suku ketiga 2023 dengan masing-masing pada 81.5 peratus dan 81.4 peratus. Sementara itu, Pembuatan kayu, perabot, produk kertas & percetakan

merekodkan kadar kapasiti penggunaan terendah dengan 77.1 peratus, menurun 1.8 mata peratus berbanding setahun lalu. Berbanding suku tahun sebelumnya, kesemua subsektor menunjukkan trend peningkatan kecuali bagi Pembuatan tekstil, pakaian, kulit & kasut yang berkurang 0.4 mata peratus kepada 79.6 peratus.”

Kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport terus berada dalam trend penurunan, menyusut 2.9 mata peratus tahun ke tahun kepada 78.3 peratus pada suku tahun ini. Walaupun hampir kesemua industri dalam segmen ini menunjukkan kemerosotan dalam kadar penggunaan, dua industri mencatatkan peningkatan ketara iaitu Pembuatan pakaian yang meningkat 8.1 mata peratus, mencapai 82.3 peratus, diikuti dengan Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan yang naik 7.1 mata peratus kepada 76.2 peratus. Berbanding suku tahun sebelumnya, kadar kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport meningkat 1.0 mata peratus.

Sebaliknya, kadar kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan domestik mencapai 81.6 peratus pada suku ketiga 2023, naik sedikit 0.2 mata peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Tiga industri dengan peningkatan tertinggi direkodkan oleh industri Pembuatan produk tembakau (84.4%; +15.6 mata peratus); Pembuatan lain (81.6%; +3.7 mata peratus); dan Pembuatan produk logam yang direka kecuali mesin & kelengkapan (81.6%; +2.1 mata peratus). Berbanding suku kedua 2023, industri berorientasikan domestik mencatatkan peningkatan 1.4 mata peratus.


Mengulas lanjut mengenai kapasiti penggunaan di peringkat negeri, Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, “Pada suku ketiga 2023, tujuh negeri menunjukkan kadar kapasiti penggunaan yang melepasi paras kadar nasional khususnya WP Labuan (97.4%); Negeri Sembilan (86.1%); Melaka (84.4%); Pahang (83.5%); Selangor (82.0%), Johor (81.5%); dan Terengganu (80.1%). Lima negeri merekodkan peningkatan dalam kadar kapasiti penggunaan berbanding suku yang sama tahun lalu iaitu Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah dan WP Labuan. Tambahan lagi, Perlis terus merekodkan kadar kapasiti penggunaan terendah pada 65.5 peratus.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan – Suku Tahunan dan Bulanan



Carta 2: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan mengikut Subsektor, ST3 2023 berbanding ST3 2022 dan ST2 2023




Carta 3: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan Mengikut Negeri, ST3 2023



Nota:
* termasuk WP Putrajaya

Carta 4: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan bagi Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, ST1 2021 – ST3 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
30 NOVEMBER 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MANUFACTURING INDUSTRY CAPACITY UTILISATION STATISTICS THIRD QUARTER 2023

***The Manufacturing industry operated at 79.4 per cent capacity utilisation
in the third quarter of 2023***

PUTRAJAYA, 30 November 2023 – The Manufacturing industry operated at 79.4 per cent capacity utilisation in the third quarter of 2023, declined by 1.9 percentage point year-on-year while expanding on a quarterly basis. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of **Manufacturing Industry Capacity Utilisation Statistics, Malaysia, Third Quarter 2023**.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, “The capacity utilisation of the Manufacturing industry was 79.4 per cent in the third quarter of 2023, decreased by 1.9 percentage points as compared to the higher rate recorded a year ago, which was 81.3 per cent (Q3 2022). Almost all sub-sectors posted decreases except for the Manufacture of food, beverages & tobacco products (+1.9 percentage points); and Manufacture of non-metallic mineral products, basic metals & fabricated metal products (+1.6 percentage points). Nevertheless, in comparison with the previous quarter, the capacity utilisation of the Manufacturing industry was higher by 1.2 percentage points from a rate of 78.2 per cent (Q2 2023).

On a monthly basis, the utilisation rate of Manufacturing industry picked up in September 2023, reaching 80.0 per cent after two months operating at 78.6 per cent (July 2023) and 79.6 per cent (August 2023). The lower capacity utilisation rate recorded in the third quarter of 2023 was in line with the production of Manufacturing output, indicated by the marginal decline of 0.1 per cent in the Industrial Production Index (Q2 2023: 0.1%). The factors that predominantly contributed to the lower production capacity were low demand, insufficient supply of materials, and the repair and maintenance of machinery and equipment.”

The Chief Statistician further elaborated, “Manufacture of non-metallic mineral products, basic metals & fabricated metal products; and Transport equipment & other manufactures posted a capacity utilisation rate above 80.0 per cent in the third quarter of 2023 with 81.5 per cent and 81.4 per cent respectively. Meanwhile, Manufacture of wood, furniture, paper products & printing recorded the lowest capacity utilisation rate with 77.1 per cent, a decrease of 1.8 percentage points as compared to a year ago. In

comparison with the previous quarter, all subsectors showed an upward trend except for the Manufacture of textiles, wearing apparel, leather & footwear products which declined by 0.4 percentage points to 79.6 per cent.”

The capacity utilisation in the export-oriented industries continued its declining trend in this quarter, falling by 2.9 percentage points year-on-year to 78.3 per cent during this quarter. Although most industries in this segment registered a decline in the utilisation rate, two industries recorded substantial increases namely the Manufacture of wearing apparel which increased by 8.1 percentage points, reaching 82.3 per cent, followed by the Manufacture of vegetable & animal oils & fats, which rose by 7.1 percentage points, attaining 76.2 per cent. In comparison with the previous quarter, the capacity utilisation rate in the export-oriented industries increased by 1.0 percentage points.

On the other hand, the domestic-oriented industries registered a capacity utilisation rate of 81.6 per cent in the third quarter of 2023, which increased slightly by 0.2 percentage points as compared to the same quarter last year. The three industries with the highest increments were recorded in the Manufacture of tobacco products (84.4%; +15.6 percentage points); Other manufacturing (81.6%; +3.7 percentage points); and Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment (81.6%; +2.1 percentage points) industries. As compared to the second quarter of 2023, domestic-oriented industries registered an increment of 1.4 percentage points.

Elaborating on the capacity utilisation at the state level, Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin said, “In the third quarter of 2023, seven states demonstrated capacity utilisation rates surpassing the national rate, specifically WP Labuan (97.4%); Negeri Sembilan (86.1%); Melaka (84.4%); Pahang (83.5%); Selangor (82.0%); Johor (81.5%); and Terengganu (80.1%). Five states showed an increase in capacity utilisation rate during the quarter as compared to the preceding year namely Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah and WP Labuan. Furthermore, Perlis continued to record the lowest capacity utilisation rate at 65.5 per cent.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users’ analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Manufacturing Industry Capacity Utilisation - Quarterly and Monthly




Chart 2: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by Sub-sector, Q3 2023 as against Q3 2022 and Q2 2023






Chart 3: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by State, Q3 2023



Note:

* includes WP Putrajaya

Chart 4: Manufacturing Industry Capacity Utilisation of the Export and Domestic-oriented Industries, Q1 2021 – Q3 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
30 NOVEMBER 2023**